

Pesanan jadi pegangan

MUKADIMAH

NAIB Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Ir. Mohd. Zohadie Bardale sama sekali tidak pernah menyangka bahawa suatu hari nanti beliau akan menerajui institusi pengajian tinggi itu.

Ada dua sebab kenapa rasa begitu. Pertama, beliau hanya bercita-cita menjadi seorang pendidik, dan kedua, di situ lah tempatnya beliau menyambung pengajian pada tahun 1971 selepas tamat sekolah. UPM ketika itu dikenali sebagai Kolej Pertanian Melayu.

"Saya memang cukup akrab dengan universiti ini dan boleh dikatakan saya membesar bersamanya," katanya kepada-

APAKAH yang Prof. rasakan ketika dilantik menjadi Naib Canselor UPM ini?

MOHD. ZOHADIE: Mula-mula saya menjalankan kaki ke sini ialah pada tahun 1968 membuat program Diploma Pertanian. Pada masa itu, universiti ini dikenali sebagai Kolej Pertanian.

Saya telah mengikuti pengajian di sini dan kemudian meneruskan pengajian ke luar negara. Saya telah berkembang bersama UPM, daripada ia sebuah kolej dan kemudian jadi Universiti Pertanian Malaysia dan akhirnya Universiti Putra Malaysia.

Apabila dilantik sebagai naib canselor, saya melihatnya sebagai satu tanggungjawab dan peluang untuk meneruskan kecemerlangan kampus ini. Kalau kita lihat, kampus ini berasal daripada sekolah pertanian pada tahun 1931 yang kemudiannya dijadikan kolej tahun 1947 dan akhirnya universiti.

Pada sepanjang masa itu, ia telah sebenarnya menyumbang kepada kemajuan negara. Kalau dulu semasa British ia melatih mereka yang akan bekerja di sektor perladangan tetapi sekarang ia menyalurkan tenaga mahir untuk kemajuan dan pembangunan negara.

Saya melihat ini sebagai peluang mencorakkan UPM untuk meneruskan kecemerlangan itu.

Corak yang bagaimana?

MOHD. ZOHADIE: Kalau Malaysia mahu menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, saya percaya institusi pengajiannya harus sampai ke tahap itu lebih awal lagi. Ini paling mustahak kerana IPT ialah tempat yang melahirkan para pemimpin negara dan juga penemuan-penemuan baru.

Itu sebabnya kita meletakkan sasaran pelan strategi kita dicapai sepuluh tahun lebih awal sebelum 2020.

Ini adalah perkara yang saya rasakan peluang kepada saya membentuk universiti supaya dapat menyumbang kepada Wawasan 2020.

Bagaimanakah jadual harian Prof.?

MOHD. ZOHADIE: Kehidupan harian saya sama seperti orang lain, datang ke pejabat sebelum pulang 8 dan mungkin pulang lewat petang.

Tetapi satu perkara yang paling mustahak dalam menentukan perjalanan harian ialah kita mesti mempunyai keutamaan dalam hidup.

Keutamaan ini berbalik kepada objektif dan pelan untuk universiti serta prinsip hidup. Kalau perkara itu mustahak dari segi integriti dan kejujuran, kita akan buat.

Di UPM kita telah bentuk pelan strategi hingga 2010. Kita telah sebutkan matlamatnya dan juga tindakan yang perlu diambil. Jadi apa saja yang dilakukan setiap hari harus dipertimbangkan dari segi keutamaannya untuk mencapai apa yang telah dirancang.

Dalam pengurusan harian itu, adakah Prof. menguasai masa atau sebaliknya?

MOHD. ZOHADIE: Kedua-duanya. Seboleh-bolehnya kita cuba menguasai masa tetapi dalam banyak keadaan masa menguasai kita juga sebenarnya.

Tetapi kita perlu meseimbangkan keadaan dengan mengadakan jadual yang betul.

Apakah ciri-ciri yang seharusnya ada pada profesional cemerlang yang sedang dibentuk oleh universiti ini?

MOHD. ZOHADIE: Matlamat utama dalam pelan strategi kita ialah melahirkan graduan yang berdaya saing dan boleh terus maju melalui pembelajaran berterusan.

Ini perkara yang mustahak kerana apabila kita masuk era K-ekonomi untuk seseorang itu terus maju, beliau mesti boleh menghayati konsep pembelajaran berterusan. Ini kerana pengetahuan bertukar begitu cepat.

Menurut kajian yang dijalankan oleh IBM, separuh hayat pengetahuan dalam sains kom-

da wartawan RAMLI ABDUL KARIM dan NOOR AZAM SHAIRI, baru-baru ini.

Banyak yang beliau berkongsi sepanjang pertemuan itu tetapi ada dua yang diulang-ulangnya.

"Kita mesti hidup sebagai orang yang jujur dan ada integriti. Tanpa dua nilai itu, hidup kita tidak bermakna," katanya.

Itulah pesanan ayahnya yang beliau pegang sampai harf ini.

Selain itu, Dr. Mohd. Zohadie melihat sukan bukan satu aktiviti yang merugikan.

"Secara peribadi, saya berpendapat golf guru terbaik untuk menjadi seorang pengurus yang cekap."

DI SERAIK NAMA



Kalau kita hilang integriti dan kejujuran bermakna kita telah korbankan sesuatu yang amat berharga

puter ialah setahun. Dalam masa dua tahun, pengetahuan itu akan jadi obsolete. Kalau graduan atau profesional kita tidak memegang kepada konsep pembelajaran berterusan, mereka akan ketinggalan.

Inilah yang cuba kita tekankan kepada mereka. Kita mahu apabila keluar dari sini, mereka telah belajar bagaimana hendak belajar dalam hidup.

Apakah kekuatan UPM ini?

MOHD. ZOHADIE: Saya fikir sejarahnya. Universiti ini sudah melahirkan banyak graduan yang telah menyumbang kepada kemajuan negara dari tahun 1931 hingga sekarang.

Mereka ini adalah graduan yang telah memegang jawatan yang tinggi baik dalam kerajaan maupun swasta. Apa yang kita mahu ialah kekuatan ini diteruskan supaya UPM sentiasa boleh mengeluarkan graduan yang seperti itu.

Apakah pula kelemahannya?

MOHD. ZOHADIE: Kelemahan UPM ini ada kaitan dengan kekuatan tadi. Apa yang patut dilakukan ialah menggembangkan tenaga graduan itu supaya sama-sama menyumbang balik kepada universiti ini demi kebaikan generasi hari ini.

Adakah itu berlaku?

MOHD. ZOHADIE: Sekarang ini tidak begitu. Barangkali kerana prinsip alumni menyumbang balik itu masih belum terserlah lagi di negara ini.

Tetapi kalau di negara maju, alumni itu institusi yang kuat menyokong universitinya. Mereka menyumbang bukan saja tenaga tetapi juga kewangan.

Adakah ketiadaan budaya itu menggambarkan bahawa masyarakat kita tidak ada sense of belonging dan tidak tahu berterima kasih?

MOHD. ZOHADIE: Saya tidak rasa begitu. Saya rasa ini kerana faktor kemajuan negara. Setiap seorang itu mempunyai keperluan – makan, rumah, hiburan dan seterusnya.

Kebanyakan ahli masyarakat kita barangkali belum mencapai tahap yang mencukupi. Jadi keutamaan mereka ialah memenuhi keperluan itu. Di negara maju barangkali mereka sudah memenuhi keperluan itu dan kerana itu mereka boleh menyumbang semula. Mereka ada kelebihan untuk menyumbang.

Ini adalah perkembangan semula jadi. Perkara itu akan berlaku apabila kita mencapai negara maju.

Sebenarnya ada yang sudah mencapai apa yang mereka inginkan dan mereka menyumbang balik. Mereka melihat institusi ini adalah tempat

mereka diberi peluang, dan mereka mahu generasi yang muda akan mendapat peluang yang lebih baik daripada mereka.

Ada orang kata pertukaran nama daripada Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia telah menghilangkan identiti universiti. Apa komen Prof?

MOHD. ZOHADIE: Saya rasa itu tidak begitu betul. Sebenarnya kalau kita lihat apa yang berlaku memang pertukaran nama daripada 'pertanian' kepada 'putra' itu memberi anggapan bahawa kita telah abaikan pertanian.

Apa yang berlaku sebenarnya ialah kita masih meneruskan kecemerlangan dalam pertanian tetapi itu tidak menjadi penghalang untuk kita mencapai kecemerlangan dalam bidang-bidang lain.

Kalau nama kita Universiti Pertanian kita memang maju dalam bidang pertanian tetapi akan jadi gangguan kepada bidang lain. Saya beri misalan. Kita ada fakulti perubatan. Kalau graduan kita beritahu orang dia dari dari Universiti Pertanian, sudah tentu orang rasa kurang yakin.

Jadi dengan pertukaran nama itu, hal-hal seperti itu tidak akan berlaku tetapi ini tidak bermakna kita abaikan bidang pertanian.

Di peringkat antarabangsa, UPM masih terkenal dalam bidang pertanian. Sebutlah nama UPM di mana-mana, orang tahu ia sebuah universiti yang hebat dalam bidang pertanian.

Kalau begini apakah imej UPM sekarang?

MOHD. ZOHADIE: Kita mahu menjadi universiti bertaraf dunia yang terkenal dalam bidang bio seperti bioteknologi dan biosains. Itu imej yang kita tonjolkan.

Adakah jawatan ini jadi cita-cita Prof?

MOHD. ZOHADIE: Semasa saya berasokolah dan belajar di sini, cita-cita saya ialah untuk menjadi seorang ahli akademik yang menyumbang kepada keperluan negara.

Jawatan saya sekarang ini saya rasa ada kaitan. Sebagai seorang naib censelor, saya diberi lebih peluang daripada orang lain untuk meningkatkan kecemerlangan bukan saja dalam bidang akademik tetapi institusi itu sendiri.

Apakah lima perkataan yang Prof. mahu diingati oleh semua warga UPM?

MOHD. ZOHADIE: Saya rasa berbalik kepada tadi: Perkhidmatan cemerlang melalui pembelajaran berterusan.

Kalau boleh saya mahu semua orang ingat itu. Kita memang ada program untuk meningkatkan perkembangan diri itu pada semua tahap.

Ketika negara beralih semula kepada bidang pertanian sebagai penjana ekonominya, apakah yang boleh UPM lakukan untuk membantu cita-cita itu?

MOHD. ZOHADIE: Kita lakukan dalam dua sudut. Pertama, melahirkan profesional yang boleh membantu menjalankan bidang pertanian. Kita mahu melahirkan *agrotepreneur* iaitu pengusaha pertanian yang ada kemahiran teknologi yang sesuai. Ini memang kita usahakan.

Dari satu segi yang lain, kita juga mahu universiti menghasilkan penemuan baru untuk memajukan bidang pertanian di negara kita.

Perkara ini memang sentiasa berlaku di UPM tetapi persepsi orang ialah kita sudah tidak kuat lagi kerana nama sudah berlukar.

Kalau kita lihat fakulti-fakulti yang berkaitan dengan pertanian masih ada lagi dan semuanya berdasarkan kepada biologi. Tetapi apa yang kita mahu ialah pertanian kita lebih diberi input teknologi.

Bagaimana Prof. melihat kualiti graduan yang dihasilkan dari universiti ini?


MOHD. ZOHADIE: Saya rasa kualiti graduan dari segi teknikal tiada masalah. Kita bawa terima maklum balas daripada mereka yang telah mengambil graduan kita bekerja, tiada masalah.

Tetapi masalah yang kita terima dan cuba perbaiki ialah tahap komunikasi dalam bahasa Inggeris. Ini kita tidak boleh salahkan pelajar kerana mereka telah melalui tahap pendidikan dari darjah 1 hingga tingkatan 6 dalam bahasa Melayu.

Bahasa Inggeris diajar hanya sebagai satu subjek. Apabila masuk universiti kita mahu mengubah keadaan mereka dan itu memang sukar. Sekarang ini kita telah meningkatkan pengajaran dalam bahasa Inggeris.

Pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah juga sudah tentu akan mengubah keadaan itu. Ini adalah perkara yang kita tanggalkan.

Kita harus terima bahawa walaupun bahasa Melayu itu bahasa rasmi tetapi bahasa Inggeris digunakan dengan meluas dalam sektor korpor-



MOHD. ZOHADIE: Barangkali kerana tidak ada masa. Kita sebenarnya buka untuk semua orang malah pelajar cuma dikenakan bayaran RM10 untuk pendaftaran dan percuma untuk bayaran padang setiap kali turun bermain.

Tetapi salah satu *disadvantage* sukan golf ini ialah ia memakan masa. Jadi mungkin ada masalah dengan para pelajar.

Prof. berapa *handicap* dan bila mula main golf?

MOHD. ZOHADIE: 18 (ketawa). Saya mula main golf ini lambat, umur 40 tahun baru saya main. Dulu semasa saya belajar, rumah yang saya duduk di tepi padang golf. Apabila saya tengok orang main golf, saya kata bodohnya mereka (ketawa). Sekarang saya pun main golf juga.

Apabila saya main golf, saya ambil masa tiga tahun untuk belajar melupakan apa yang lepas dan tumpukan kepada apa yang ada di depan. Ada masa kita perlu ambil risiko dan ada masa kita perlu mengambil jalan selamat.

Bolehkah kita katakan apa yang kita perlu untuk berjaya dalam hidup ini kita boleh belajar daripada golf?

MOHD. ZOHADIE: Saya katakan begini saja. Semua pemain golf boleh menjadi pengurus yang baik tetapi belum tentu pengurus boleh bermain golf dengan baik.

Ini kerana bermain golf mengajar kita bagaimana untuk mengurus. Ia juga membina perwatakannya. Kita belajar bagaimana mengawal diri, merancang dan memberikan tumpuan.

Apakah prinsip hidup Prof?

MOHD. ZOHADIE: Integriti dan kejujuran. Sebenarnya prinsip hidup saya ini ditekankan oleh ayah saya sendiri kepada kami semua adik-beradik.

Dia menekankan bahawa tiada tolak ansur dengan integriti dan kejujuran. Itu paling mustahak. Kalau kita hilang integriti dan kejujuran bermakna kita telah korbankan sesuatu yang amat berharga.

Bagaimana Prof. mahu orang lain melihat diri Prof?

MOHD. ZOHADIE: Kalau boleh saya mahu orang melihat saya sebagai seorang yang mempunyai integriti. Selain itu, saya mahu dilihat sebagai seorang sanggup membantu orang lain mencapai kemajuan dan pencapaian yang separutnya.

Apakah ada pengalaman yang menarik tentang integriti dan kejujuran yang meninggalkan kesan yang mendalam?

MOHD. ZOHADIE: Arwah ayah seorang peniaga kecil. Saya selalu ikut dia pergi ke mana-mana. Apa yang saya perhatikan kalau dia berjanji dengan orang, dia tidak pernah tandatangan perjanjian hanya dengan salam tangan saja.

Misalnya kalau kata "Saya akan hantar barang dalam masa dua hari." Dia hari lagi barang pun sampai. Itu perkara yang paling saya ingat.

Tetapi sekarang ini hal itu tidak lagi diajar kepada orang muda. Malah sekarang ini kalau sudah tandatangan perjanjian sekali pun masih ada yang hendak lari daripada perjanjian itu.

Mungkin juga Prof. ada pengalaman yang tidak manis?

MOHD. ZOHADIE: Oh, banyak (ketawa). Sekarang ini kita tengok kemasukan ke universiti ditentukan secara meritokrasi. Saya dapat banyak permintaan daripada orang luar meminta tolong dimasukkan saudara-mara mereka yang tidak mencapai tahap yang sepertunya.

Bagi saya ini adalah satu perkara yang cuba menduga integriti seseorang. Implikasinya mungkin banyak tetapi kita patut pertahankannya. Orang akanpercaya kepada kita kalau kita boleh menunjukkan kita ada integriti.

Kalau ada peluang siapakah tokoh hidup atau mati yang Prof. ingin temui?

MOHD. ZOHADIE: Kalau tokoh yang sudah mati saya ingin berjumpa dengan Leonardo da Vinci. Walaupun hidup dalam kurun ke-15, dia mempunyai visi yang begitu jauh. Dia bukan hanya seorang saintis tetapi juga artis, arkitek dan ahli falsafah. Saya ingin tanyakan apakah yang menjadi motivasinya melakukan semua yang telah dia buat.

Tokoh yang masih hidup?

MOHD. ZOHADIE: Fidel Castro. Sungguh dia berdepan dengan macam-macam tekanan dia masih dapat bertahan dan berpengaruh. Dia mampu bertahan walaupun ditekan oleh kuasa besar nombor satu dalam dunia.

rat. Ini sesuatu yang harus kita terima tanpa ragu-ragu. Kita tidak boleh kata kepada mereka jangan guna bahasa Inggeris kerana ia bahasa antarabangsa.

Saya gembira kerana kerajaan ambil inisiatif untuk mengubah keadaan. Saya yakin masalah ini akan selesai apabila pelajar-pelajar yang hari ini belajar sains dan matematik dalam bahasa Inggeris masuk ke universiti.

Apakah kaitan usaha hendak mengeluarkan graduan dari UPM seperti yang Prof. sebut itu dengan langkah membuka sebuah padang golf dalam kampus?

MOHD. ZOHADIE: Kelab golf ini adalah satu-satunya kelab sukan yang ada di UPM dan lapangan golf itu adalah salah satu kemudahan sukan kita kira ada di UPM.

Kenapa Prof. mahu mereka main golf?

MOHD. ZOHADIE: Sukan adalah cara untuk kita mengajar anak-anak muda menghadapi kehidupan mereka. Salah satu sukan yang saya rasa baik untuk mengajar orang muda ialah golf.

Ini kerana untuk bermain golf kita terpaksa melupakan kegagalan yang lepas dan memberikan tumpuan apa yang ada di depan. Sukan-sukan lain pun begitu juga.

Sukan juga mengajar kita bagaimana berinteraksi, bekerjasama dalam kumpulan, semangat bersatu, kepimpinan dan banyak lagi.

Itu sebabnya saya lihat para pelajar yang aktif dalam sukan prestasi akademik mereka pun baik juga. Ini kerana mereka juga belajar semasa bermain.

Tetapi tidak banyak nampaknya pelajar yang bermain golf di sini?